



Sorento Capital dapat kelulusan berpindah ke Pasaran Utama Bursa Malaysia



KUALA LUMPUR: Sorento Capital Bhd memperoleh kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk berpindah daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Bhd.

Dalam pemakluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat pegangan pelaburan itu memaklumkan SC menerusi surat bertarikh 16 Julai 2026 meluluskan cadangan perpindahan tersebut di bawah Seksyen 214(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Sorento Capital memaklumkan setakat tarikh praktikal terakhir (LPD) pada 13 Julai 2026, modal saham terbitannya berjumlah RM97.77 juta, terdiri daripada 860 juta saham biasa.

"Berdasarkan Rekod Pendeposit Sorento Capital pada 17 Julai 2026, pegangan saham awam syarikat itu adalah kira-kira 26.12 peratus daripada jumlah modal saham terbitannya," katanya.

SORENTO CAPITAL BERHAD

MEDIA COVERAGE – SC’S APPROVAL TO TRANSFER TO MAIN MARKET

Syarikat yang disenaraikan di Pasaran ACE sejak 28 Oktober 2024 itu mencatatkan permodalan pasaran sebanyak RM561.15 juta setakat 13 Julai 2026, berdasarkan harga purata wajaran jumlah lima hari sebanyak 65.25 sen sesaham.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025, Sorento Capital mencatatkan hasil lebih tinggi sebanyak RM179.17 juta berbanding RM151.55 juta pada tahun kewangan berakhir 2024, manakala keuntungan bersih meningkat kepada RM26.24 juta daripada RM24.43 juta sebelumnya.

Bagi tempoh kewangan sembilan bulan berakhir 31 Mac 2026, keuntungan bersih syarikat meningkat kepada RM22.48 juta berbanding RM18.34 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya, meskipun hasil menyusut sedikit kepada RM134.71 juta daripada RM135.88 juta.